

# **PENDEKATAN MEMUJUK MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN**

**DR. NURZATIL ISMAH BINTI AZIZAN**  
**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)**  
[NURZATIL@KUIS.EDU.MY](mailto:NURZATIL@KUIS.EDU.MY)

**FATHI NAIL JINAN BINTE AGUS RIZAL**

## **ABSTRAK**

Manusia mempunyai unsur fizikal dan emosi yang menjadikan diri seseorang manusia yang seimbang. Emosi merupakan perasaan dan rasa dalaman hasil tindak balas seseorang terhadap sesuatu perkara, pengalaman dan peristiwa yang berlaku seperti emosi takut, marah, kecewa, gembira, suka dan kasih sayang. Kestabilan emosi penting dalam diri seseorang dalam menghadapi cabaran kehidupan seperti ujian yang pasti akan mengganggu emosi. Artikel ini menganalisis ayat-ayat al-Quran yang memaparkan pendekatan memujuk khususnya pujukan yang memberi motivasi dan dorongan kepada seseorang individu untuk terus berbaik sangka dengan Allah SWT. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan rekabentuk kajian analisis kandungan (dokumen). Instrumen yang digunakan ialah dokumen dan dianalisis dengan pendekatan induktif. Hasil kajian mendapati dalam al-Quran terdapat pendekatan memujuk yang dinyatakan iaitu memujuk melalui rayuan emosi, memujuk melalui mesej motivasi dan dorongan serta mesej ganjaran dan janji. Ketiga-tiga aspek memujuk ini jelas menunjukkan bahawa al-Quran wajar dijadikan rujukan psikologi dan menguatkan motivasi diri seorang mukmin agar menjalani kehidupan dengan keimanan dan kesyukuran.

Kata kunci: Pendekatan memujuk, perspektif al-Quran.

### **1.1 Pendahuluan**

Dalam kehidupan akhir zaman ini, tidak dapat dinafikan sangat terdedah dengan fitnah yang semakin mencabar. Allah SWT menyatakan bahawa kehidupan di dunia ini adalah tempat ujian supaya dapat diketahui siapakah yang lebih baik amalannya. Ia telah menjadi peraturan alam, manusia akan diuji dengan peristiwa-peristiwa yang pahit, perit dan dukacita. Sebenarnya cara manusia berfikir akan menentukan tindakan yang akan dilakukannya. Pakar Psikologi seperti Albert Ellis menyatakan bahawa manusia akan kelihatan lemah dan tidak berdaya kerana manusia sering berfikir secara tidak rasional dalam pemikiran mereka (Mohd Taufiq, 2017). Ketidakmampuan mengawal emosi dalam berhadapan dengan cabaran kehidupan menjadi lebih buruk apabila masalah emosi menjadi salah satu penyakit kronik pada masa kini.

Media melaporkan bahawa kadar peningkatan masalah mental di seluruh dunia meningkat dari tahun ke tahun dan ia lebih membimbangkan apabila kes-kes bunuh diri bertambah. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menerusi statistik pada tahun 2015 mendapati, 322 juta penduduk

dunia mengalami kemurungan. Angka itu meningkat hampir 18.4 peratus berbanding tahun 2005. Berdasarkan rekod, hampir 800,000 penduduk dunia membunuh diri setiap tahun (1 bagi setiap 40 saat). Kadar bunuh diri dalam kalangan orang yang mengalami kemurungan juga dianggarkan antara 2 hingga 9 peratus (Azimah, 2019). Kebimbangan ini menjadikan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sejak 1948 telah memilih tema kemurungan bagi kempen kesedaran sempena Hari Kesihatan Sedunia 2017 bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai bahaya kemurungan (Asrizal, 2017).

Statistik Kajian Kesihatan Morbiditi Kebangsaan yang dijalankan pada tahun sama pula mendapati, kira-kira satu pertiga penduduk di Malaysia mengalami penyakit kemurungan seumur hidup. Statistik juga mencatatkan peningkatan sebanyak 29.2 peratus atau 4.2 juta rakyat negara ini berusia 16 tahun ke atas mengalami masalah kesihatan mental berbanding 2006 yang hanya mencatatkan 11.2 peratus. Di Dewan Negara pada Ogos tahun lalu, Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik telah mendedahkan, dapatan sebuah kajian pada tahun lalu bahawa terdapat 4.4 peratus daripada 48,258 responden yang terdiri daripada guru mengalami stress tahap sederhana tinggi. Statistik di atas diperolehi melalui berita atas talian Sinar Harian bertarikh 23 Januari 2019 (Azimah, 2019).

Menurut Pakar Psikiatri dan Pensyarah Kanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Micheal Ang Jin Kiat, penyakit mental terdiri daripada pelbagai jenis seperti skizofrenia, kemurungan yang teruk dan bipolar. Skizofrenia berlaku apabila individu berhadapan masalah halusinasi. Mereka yang berada dalam kelompok ini sering merasakan atau mendengar sesuatu bisikan. Apabila ini berlaku pesakit tidak boleh menumpukan perhatian atau fokus kepada kerja. Mereka semakin tertekan apabila suara-suara itu jelas kedengaran. Ada pula sesetengah kes merasa gangguan bayangan atau khayalan sehingga bertindak ganas. Bagi masalah kemurungan pula ia banyak dihadapi wanita terutama mereka yang sibuk bekerja di pejabat dan menguruskan keluarga di rumah. Kemurungan keterlaluan juga dihadapi wanita selepas bersalin, terutama tidak mendapat sokongan suami. Penyakit ini perlu dirawat segera kerana ia boleh menjejaskan kehidupan seharian (Siti Zarinah, 2018).

Daripada kenyataan tersebut menunjukkan perlu kepada kajian kaedah bagaimana al-Quran memberi penekanan dalam memujuk emosi manusia. Ia penting sebagai jalan untuk membantu menyelesaikan masalah dan mengawal emosi sedih dan kecewa dalam menjalani kehidupan seharian.

## **2.1 MEMUJUK MELALUI RAYUAN EMOSI DENGAN JANJI GANJARAN**

Pendekatan memujuk yang pertama ialah rayuan emosi iaitu mesej yang penuh dengan emosi. Cara penyusunan mesej ini adalah dengan berusaha mempengaruhi emosi orang yang membacanya. Ia menggunakan ayat-ayat yang menyentuh hati pembacanya dengan cara mempengaruhi perasaan dan minda seseorang individu tersebut. Ini sesuai dengan definisi

memujuk dalam Kamus Pelajar Edisi Kedua yang bermaksud kata-kata yang manis untuk memikat iaitu melembutkan hati seseorang. Berikut merupakan ayat-ayat yang mengandungi pendekatan tersebut iaitu daripada surah al-Baqarah (2): 186, al-Dhuha (93): 3-4, al-Zumar (39): 53.

### 2.1.1 Allah SWT Dekat Dengan Hamba-HambaNya

Firman Allah SWT:

وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ  
١٨٦

Maksudnya:

“Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka menyahut seruanKu (dengan mematuhi perintahKu), dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka menjadi baik serta betul.”

Al-Baqarah (2): 186

Sayyid Qutb di dalam tafsirnya *Fi Zilal al-Quran* mentafsirkan ayat ini dibawah tajuk *Doa dan Kesediaan Allah Memperkenankannya*. Beliau menyatakan bahawa Allah SWT menggunakan ayat yang sangat lembut, mesra, halus dan ramah. Setiap kata-kata dalam ungkapan seluruh ayat ini membayangkan kelembutan yang amat mesra.

Ini adalah satu ayat yang amat menarik, satu ayat yang mencurahkan di dalam hati orang yang beriman kelembutan, kemesraan yang ramah, kerelaan yang tenteram, kepercayaan dan keyakinan, di mana hidupnya seorang Mukmin di bawah keredaan Allah SWT kehampiran Ilahi (Syed Qutb, 2000).

Manakala menurut Prof. Dr. Hamka dalam kitab tafsir beliau iaitu Tafsir al-Azhar pula mendatangkan lima justifikasi untuk menafsirkan sepotong ayat ini iaitu Tuhan itu dekat, segala permohonan hambaNya yang memohon akan dapat perhatian yang sepenuhnya dariNya. Tidak ada satu permohonan yang hilang saja sia-sia kerana tidak didengari atau tidak dipedulikan. Suatu permohonan itu mendapat perhatian Ilahi, hendaklah seorang hamba yang memohon itu menyambut terlebih dahulu bimbingan dan petunjuk Allah SWT kepadanya. Amat penting iaitu hendaklah percaya dan beriman dengan sebenar-benarnya kepada Allah SWT. Akhir sekali, dengan sebab menyambut seruan Allah SWT dan percaya penuh kepada Allah, seorang hamba akan diberikan kecerdikan dan petunjuk jalan yang akan ditempuh hingga tidak lagi sesat dan berputus asa (HAMKA, 2007).

Berdasarkan dua penjelasan tafsir di atas dapatlah difahami bahawa Allah SWT sangat kasih dan lembut serta memahami akan keadaan hambaNya. Cara Allah SWT memanggil

hambanya juga menggunakan ungkapan yang sangat mesra dan dapat dirasakan kedekatan Allah kepada kita. Ayat ini juga memberikan harapan kepada orang yang memohon doa daripada Allah apabila Allah mengatakan bahawa Dia akan selalu memperkenankan permintaan hamba-hambanya. Oleh itu, Allah itu dekat bagi siapa yang mendekatkan diri kepadanya dan Allah sentiasa dalam keadaan sedia untuk menjawab doa dan permohonan hambaNya jika benar-benar meyakini dan mentaatinya.

### 2.1.2 Rahmat Allah Melebihi Kemurkaannya

Firman Allah SWT:

﴿قُلْ لِعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ ٥٣﴾

Maksudnya:

“Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Al-Zumar (39): 53

Janganlah kamu menyangka oleh kerana sudah terlalu banyak dosa itu, bahawa Allah SWT tidak akan memberi ampun lagi. Asalkan sahaja kamu mengakui bahawa kamu memang berdosa, lalu kamu memohonkan kepada Allah agar diberikan keampunan, lalu kamu bertaubat iaitu kembali ke jalan Allah SWT, dosa itu akan diampuni walau bagaimana besar dan banyaknya dosa itu. (HAMKA, 2007)

Sayyid Qutb turut membahaskan ayat ini dalam kitab tafsirnya dibawah tajuk *Jangan Putus Harapan Dari Mendapat Rahmat Allah*. Beliau menyatakan bahawa rahmat Allah SWT dapat menampung semua maksiat walau bagaimana besar sekalipun. Inilah seruan Allah dalam mengajak manusia kembali kepadanya, iaitu mengajak orang-orang yang melakukan maksiat yang melampaui batas untuk mendapat keampunan dari Allah kerana Allah Maha Penyayang terhadap hamba-hambanya dan mengetahui segala kelemahan mereka, juga mengetahui segala faktor yang mempengaruhi mereka dari dalam jiwa mereka sendiri dan dari luar (Syed Qutb, 2000).

Manusia akan selalu bersemangat untuk terus bertaubat walaupun telah beberapa kali kecundang dalam melakukan maksiat. Allah SWT telah memujuk hamba-hambanya dengan mengatakan bahawa janganlah berputus asa dengan rahmatNya dan ketika mana Dia menyeru hambaNya yang berdosa dengan panggilan yang lembut dan bersedia untuk mengampunkan segala dosanya.

### 2.1.3 Allah SWT Tidak Meninggalkan HambaNya Bersendirian

Firman Allah SWT:

مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ ۚ ۙ وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ الْأُولَىٰ ۚ ۙ

Maksudnya:

“(Bahawa) Tuhanmu (wahai Muhammad) tidak meninggalkanmu, dan Ia tidak benci (kepadamu, sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik). Dan sesungguhnya kesudahan keadaanmu adalah lebih baik bagimu daripada permulaannya.

Al-Dhuha (93): 3-4

Di dalam tafsir *Fi Zilal al-Quran*, Sayyid Qutb mentafsirkan ayat ini dengan menyatakan bahawa Allah SWT tidak sekali-kali membiarkan dan membuang Nabi Muhammad SAW sebagaimana yang dikatakan oleh kaum Musyrikin yang mahu menyakiti dan merunsingkan fikiran Baginda, kerana Allah adalah “Tuhanmu” dan engkau adalah hambaNya yang dihubungkan kepadaNya dan disandarkan kepada RububiyahNya dan Dialah penjaga, pelindung dan penaungmu. Limpah kurnia Allah SWT kepada Rasulullah SAW kepada Baginda tidak kunjung putus. Balasan-balasan yang disediakan untuk Baginda di akhirat juga adalah lebih baik daripada yang diberikan di dunia (Syed Qutb, 2000).

Walaupun ayat ini diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW pada ketika Baginda berasa sedih dan gelisah, tetapi sebenarnya ayat ini ditujukan kepada semua hamba-hamba Allah yang beriman. Ia merupakan ayat yang memberi ketenangan di dalam hati orang yang membacanya. Melalui ungkapan ayat ini Allah SWT seperti sedang berkomunikasi dan memujuk hati hambaNya dengan mengatakan bahawa Allah tidak pernah meninggalkan seorang hamba. Ungkapan ayat seperti ini sangat diperlukan terutama bagi orang yang merasa bahawa tiada yang dapat membantu dan peduli terhadap dirinya. Namun, Allah SWT sangat peduli akan hamba-hambaNya dan memujuk mereka serta mengingatkan bahawa kehidupan di dunia ini hanyalah sementara dan akhirat adalah kehidupan yang sebenar-benarnya.

Allah SWT memberikan harapan kepada seseorang individu agar tidak berputus asa terhadap sesuatu perkara kerana masih ada yang peduli akan dirinya. Ini merupakan pendekatan memujuk melalui mesej rayuan emosi yang Allah SWT telah sampaikan kepada hambaNya sejak 1400 tahun dahulu lagi. Kemudian, Allah SWT juga menjanjikan bahawa kehidupan di akhirat adalah lebih baik daripada kehidupan di dunia yang fana dan penuh kesulitan ini.

### 2.3.1 Bersama Kesulitan Ada Kesenangan

Firman Allah SWT:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۖ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۖ ۙ

Maksudnya:

“Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan, (Sekali lagi ditegaskan): bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan.”

Al-Insyirah (94): 5-6

Ini adalah suatu hakikat yang diyakinkan dan kerana itu ia disebut berulang-ulang kali dengan ungkapan yang sama. Pengulangan ayat ini menunjukkan Rasulullah SAW benar-benar dalam keadaan kesulitan dan kesukaran yang memerlukan kepada pengamatan dan peringatan seperti ini. Allah SWT sentiasa memujuk hambaNya untuk memberikan keyakinan bahawa hakikat hidup di dunia ini tidak selalu senang, akan tetapi dalam kesukaran itu ada kesenangan apabila seseorang itu meyakinkannya.

Begitu juga di dalam Tafsir al-Azhar, Prof Dr. Hamka mengatakan bahawa beserta kesulitan ada kemudahan itu adalah Sunnatullah. Kesulitan selalu beserta kemudahan. Yang sulit sahaja tidak ada dan yang senang sahaja tidak ada. Dalam susah berisi senang, dalam senang berisi susah, itulah perjuangan hidup (HAMKA, 2007).

Allah SWT berjanji sebanyak dua kali kepada hamba-hambaNya yang beriman bahawa sesungguhnya pada tiap-tiap kesulitan itu ada kesenangan pada akhirnya. Janji Allah SWT ini diulang sebanyak dua kali menunjukkan bahawa kehidupan manusia sentiasa akan diuji dan terus diuji namun kemudahan juga akan mendatangi manusia selepas kesusahan yang dialami. Allah SWT memujuk hati hamba-hambaNya dengan menjanjikan bahawa kesenangan akan ada pada setiap kesempatan sama ada diberikan ganjarannya itu di dunia mahupun di akhirat kelak.

#### 2.3.4 Allah Tidak Memberati HambaNya Lebih Dari Kemampuannya

Firman Allah SWT:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِكْرَامًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ٢٨٦

Maksudnya:

“Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami ! Janganlah Engkau bebaskan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebaskan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir”.

## Al-Baqarah (2): 286

Menurut Prof. Dr. Hamka dalam kitab tafsir al-Azhar, beliau mentafsirkan ayat terakhir dalam Surah al-Baqarah ini dengan menjelaskan bahwa memang tidak ada suatu perintah yang didatangkan oleh Allah SWT yang tidak dapat dipikul oleh oleh setiap insan. Tidak ada perintah yang berat apatah lagi jika iman telah ada. Tetapi betapa ringannya sesuatu perintah itu, kalau hati tidak beriman, semuanya akan berat juga; “sembahyang itu amat berat kecuali bagi orang yang khusyu (HAMKA, 2007).”

Ini adalah salah satu janji Allah SWT dalam al-Quran kepada hambaNya bahwa sesungguhnya Allah SWT tidak akan membebankan hambaNya lebih dari kemampuan mereka. Kemudian, dalam tafsiran para ulama’ juga ada mengatakan bahwa selain daripada tidak memberati hambaNya di luar kemampuannya, Allah SWT juga berjanji untuk memberikan pahala kebaikan dan memenuhi permohonan hambaNya yang memohon kepadaNya.

### 3.1 PENDEKATAN MEMUJUK MELALUI DORONGAN

#### 3.1.1 Pertolongan Allah SWT Itu Dekat

Firman Allah SWT:

أَمْ حَسِبْتُمْ أَنْ تُدْخَلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُمْ مَثَلُ الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ قَبْلِكُمْ مَسَّتْهُمُ الْبَأْسَاءُ وَالضَّرَّاءُ وَزُلْزَلُوا حَتَّى يَقُولَ  
الرَّسُولُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ مَتَى نَصْرُ اللَّهِ أَلاَ إِنَّ نَصْرَ اللَّهِ قَرِيبٌ ۚ ٢١٤

Maksudnya:

“Adakah patut kamu menyangka bahwa kamu akan masuk syurga, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kepapaan (kemusnahan hartabenda) dan serangan penyakit, serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh), sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya: Bilakah (datangnya) pertolongan Allah?" Ketahuilah sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah).”

Al-Baqarah (2): 214

Ibnu Abbas mentafsirkan bahwa ayat ini adalah peringatan bagi orang-orang beriman kepada Allah bahawasanya dunia ini tidak lain daripada negeri cubaan, negeri yang penuh dengan bala dan ujian. Ayat ini menjelaskan bahwa menjadi kemestian bagi orang mukmin untuk menempuh ujian dan dugaan. Berdasarkan tafsiran ini, dapatlah disimpulkan bahwa ujian dan dugaan dalam kehidupan adalah latihan rohani. Namun yang demikian, Allah SWT menyatakan suatu kepastian dan janjiNya bahwa pertolonganNya amat dekat (HAMKA, 2007).

#### 3.1.2 Allah SWT Tahu Yang Terbaik Untuk HambaNya

Firman Allah SWT:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَن تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَن تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ  
يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ٢١٦

Maksudnya:

“Kamu diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan) sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci; dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya.”

Al-Baqarah (2): 216

Terdapat perkara yang tidak disukai oleh manusia tetapi ianya memberi manfaat dan keuntungan. Contohnya kesusahan yang dilalui oleh orang yang menuntut ilmu, kerana mencari kebahagiaan di dunia dan akhirat. Antara perkara yang tidak disukai oleh manusia, merupakan perkara yang dijangka akan merugikan jika dilakukan dan menyusahkan hati, atau menyebabkan tentangan daripada orang lain terhadapnya (Al-Maraghi, 2001).

Allah SWT Maha Mengetahui tentang segala hikmah mahupun akibat sesuatu perkara tersebut. Oleh itu, hambaNya tidak merasa susah hati ketika berhadapan dengan ujian dan musibah, kerana apa yang ditempuhinya itu adalah yang terbaik daripada Allah SWT. Seorang hamba yang dalam kesusahan adakalanya tidak begitu memerlukan pertolongan fizikal semata-mata tetapi sokongan emosi adalah yang paling utama sekali dan Allah SWT telah memujuk hambaNya melalui ayat di atas ini.

### 3.1.3 Ketenangan Dalam Mengingati Allah SWT

Firman Allah SWT:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ٢٨

Maksudnya:

“(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah”. Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia”.

Al-Ra’du (13): 28

Di dalam Tafsir al-Azhar, ayat ini ditafsirkan dengan menjelaskan bahawa iman adalah penyebab seseorang sentiasa ingat Allah SWT atau berzikir. Iman menyebabkan hati kita mempunyai pusat ingatan atau tujuan ingatan. Dan ingatan kepada Tuhan itu menimbulkan ketenteraman dan dengan sendirinya menghilangkan segala macam kegelisahan, kekusutan fikiran, putus asa, ketakutan, keraguan dan kedukacitaan. Ketenteraman hati adalah pokok kepada kesihatan rohani dan jasmani (HAMKA, 2007).



Allah SWT memberitahu hambaNya bahawa hanya dengan mengingatiNya ketenteraman jiwa dapat dicapai walaupun ditimpa ujian yang berat kerana sesungguhnya Allah berkuasa di atas setiap sesuatu dan akan membantu hambaNya untuk terus kuat dan bertahan. Ini menunjukkan bahawa Allah SWT memujuk hambaNya dengan menggunakan mesej dorongan

### 3.1.4 Allah SWT Mengetahui Isi Hati Dan Keadaan HambaNya

Firman Allah SWT:

وَأَسِرُّوا قَوْلَكُمْ أَوْ أَحْزَبُوا بِئِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ۝ ١٣  
أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ۝ ١٤

Maksudnya:

“Dan tuturkanlah perkataan kamu dengan perlahan atau dengan nyaring, (sama sahaja keadaannya kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada. Tidakkah Allah yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui (segala-galanya)? Sedang Ia Maha Halus urusan PentadbiranNya, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya!”

Al-Mulk (67): 13-14

Sayyid Qutb mentafsirkan ayat 13 dan 14 surah al-Mulk dalam kitab Tafsir Fi Zilal al-Quran pada jilid ke 16. Beliau mengatakan bahawa orang-orang yang cuba berselindung dari Allah SWT dengan menyembunyikan sesuatu gerak-geri atau sesuatu rahsia mahupun niat di dalam hati adalah manusia yang lucu, kerana hati di mana mereka sembunyikan niat mereka itu sendiri adalah daripada ciptaan Allah. Dia mengetahui segala liku-likunya dan segala rahsia-rahsianya. Dan niat yang disembunyikan mereka juga adalah dari ciptaan Allah. Dia mengetahuinya dan mengetahui pula di mana terletaknya niat itu (Syed Qutb, 2000).

Allah SWT sangat memahami akan segala isi hati manusia tentang apa yang diinginkan atau dirisaukan, semuanya dalam pengetahuan Allah. Oleh yang demikian, tidak ada rahsia yang terlindung daripada pengetahuan Allah. Setiap hamba sentiasa mendapat perhatian daripada Allah SWT apabila ia menyakini bahawa cukuplah Allah sebagai penolong jika dia menghadapi dugaan di dalam hidupnya kerana Allah SWT lebih mengetahui segala isi hatinya berbanding makhluk yang lainnya. Inilah cara Allah mengkhabarkan dan memujuk hati hambaNya bahawa Dialah Tuhan yang paling memahami dan prihatin akan keadaan hambaNya.

#### 4.1 KESIMPULAN

Perbincangan kajian ini membuktikan bahawa al-Quran merupakan kitab suci yang amat istimewa sehingga dapat memberi ketenangan emosi ketika membaca, apatah lagi jika dihayati ayat tersebut. Al-Quran memujuk emosi manusia melalui rayuan emosi agar manusia dapat menjalani kehidupan dan berpegang teguh dengan nilai keimanan dalam diri. Ianya aspek yang penting supaya manusia tidak terlibat dengan masalah kemurungan dalam menghadapi cabaran kehidupan. Pujukan dalam al-Quran memberi manusia solusi bahawa ujian di dunia hanya sebagai alat untuk menguji keimanan dan membawa manusia kepada keredaan Allah SWT. Malah al-Quran juga memaparkan ayat-ayat yang mendorong manusia agar berbaik sangka, menerima ketentuan dalam kehidupan agar mampu menjalani kehidupan dengan baik.

#### RUJUKAN

Ahmad Mustafa al-Maraghiy. 2001. *Tafsir al-Maraghiy*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asrizal Asri. 2017. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/04/223900/42-juta-kemurungan.7Jun>.

Azimah Ghazali. 2019. <https://www.sinarharian.com.my/article/9228/SISIPAN/Sinar-Aktif/Berpotensi-ragut-nyawa-sendiri.7Februari>.

Azlina Kamaruddin. 2015. *Komunikasi Dan Seni Pemujukan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia. Hlm. 3.

En. Mohd Taufiq b. Mahmud. 2017. <http://www.myhealth.gov.my/mental-resilensi/>. 7 Januari.

Kamus Bahasa Melayu. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pujuk>. 8 Julai.

Sayyid Qutb. 2000. *Tafsir Fi Zilal al-Quran*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. Prof. Dr.

Hamka. 2007. *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Siti Zarinah Sahib. 2018. <https://www.hmetro.com.my/hati/2018/04/327729/derita-dalam-senyap>. 7 Januari.